

SOALAN-SOALAN LAZIM

PENERAJU TUNAS POTENSI BANTUAN AWAL PENGAJIAN

BAHAGIAN 1: PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENERAJU TUNAS POTENSI BANTUAN AWAL PENGAJIAN

- A. PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
- B. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN & SESI PENYERAHAN DOKUMEN

- A. PERMOHONAN PROGRAM
- B. SESI PENILAIAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN
- C. KEPUTUSAN

BAHAGIAN 1: PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENERAJU TUNAS POTENSI BANTUAN AWAL PENGAJIAN

A. PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

- 1. Apakah pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian?**
Program ini merupakan satu program bantuan pendidikan (sekali beri) untuk pelajar Bumiputera dari keluarga berpendapatan isi rumah di bawah RM 4,000 sebulan sebagai persediaan bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- 2. Berapakah kadar pembiayaan pendidikan yang diperolehi oleh penerima Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian?**
Kadar pembiayaan pendidikan setiap pelajar adalah minimum RM1,500 dan maksimum RM 2,000 bergantung kepada yuran pendaftaran dan pengajian universiti. Bayaran tersebut akan diberikan sekali sahaja secara *one-off* sebagai bantuan persediaan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.
- 3. Adakah penerima Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian dikehendaki berkhidmat dengan pihak Yayasan Peneraju selepas tamat tempoh pengajian?**
Tidak. Para penerima bantuan pendidikan di bawah program ini tidak terikat untuk berkhidmat di bawah Yayasan Peneraju atau mana-mana institusi di Malaysia.
- 4. Perlukah saya memohon biasiswa atau bantuan pengajian pendidikan yang lain setelah mendapat bantuan pendidikan Peneraju Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian ?**
Perlu. Bantuan awal ini hanya diberikan sekali sahaja secara *one-off* sebagai bantuan pendidikan bagi melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

5. **Bolehkah pelajar memohon Bantuan Awal Pengajian ini setiap tahun seperti di Lembaga Zakat?**
Tidak. Pelajar hanya layak menerima bantuan untuk sekali sahaja sepanjang pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari Yayasan Peneraju.
6. **Apakah kategori pemohon yang layak memohon dalam pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian?**

Kategori pemohon yang layak memohon dalam program ini adalah seperti jadual berikut :-

Kategori Pelajar	Melanjutkan Pengajian ke Peringkat/Institusi*	Syarat Kelayakan Minima
Lepasan ASASI/MATRIKULASI/ DIPLOMA/STPM	Ijazah Sarjana Muda (IPTA)	CGPA 2.80
STAM	Ijazah Sarjana Muda (IPTA)	MIN MAQBUL

**Sila rujuk syarat kelayakan di laman sesawang Yayasan Peneraju.*

B. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

1. **Adakah bantuan pendidikan Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian hanya diberikan kepada pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sahaja?**
Ya. Pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tidak layak untuk program ini. Pelajar boleh merujuk di SENARAI INSTITUSI yang telah dimuatnaik di laman sesawang Yayasan Peneraju.
2. **Adakah saya perlu membuat permohonan sendiri untuk kemasukan ke Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)?**
Ya. Pihak Yayasan Peneraju tidak bertanggungjawab terhadap penempatan pelajar. Pelajar perlu mengisi permohonan UPU untuk mendapatkan penempatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. **Saya telah menyambung pengajian di IPTA (Tahun pertama), adakah saya layak memohon untuk bantuan pendidikan Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian?**
Program ini hanya layak bagi pelajar untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Awam (IPTA) pada tahun 2019 sahaja.
4. **Adakah Yayasan Peneraju menerima permohonan semua bidang pengajian / Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah bantuan pendidikan Peneraju Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian?**
Ya. Permohonan terbuka kepada semua bidang pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN PROGRAM & SESI PENYERAHAN DOKUMEN

A. PERMOHONAN PROGRAM

1. Bagaimana cara untuk saya memohon bantuan pendidikan Tunas Potensi Bantuan Awal Pengajian?

Pelajar perlu mengisi borang permohonan secara online di laman sesawang Yayasan Peneraju. Permohonan secara manual tidak diterima.

2. Saya menghadapi masalah ketika mengisi borang permohonan secara online. Apakah yang perlu saya lakukan?

Sebarang pertanyaan atau masalah teknikal boleh hubungi ke talian 03-27279002 / 9103 atau emel ke ptp.dermasiswa@yayasanpeneraju.com.my

B. SESI PENYERAHAN DOKUMEN (JIKA BERKENAAN)

1. Bagaimanakah saya mengetahui bahawa saya terpilih untuk ke Sesi Penyerahan Dokumen?

Selepas tarikh tutup permohonan, pihak Yayasan Peneraju akan menyenarai pendek senarai nama pemohon-pemohon yang berjaya dan dipanggil untuk menghadiri ke sesi penyerahan dokumen sekiranya perlu. Pelajar akan dimaklumkan melalui emel dan SMS bagi menghadiri ke Sesi Penyerahan Dokumen di pejabat Yayasan Peneraju atau di universiti.

2. Bolehkah saya menangguhkan Sesi Penyerahan Dokumen? atau menghantar wakil ?

Tidak. Sekiranya pelajar tidak menghadiri sesi tersebut, permohonan pelajar akan ditolak.

3. Pakaian semasa Sesi Penyerahan Dokumen?

Pelajar dikehendaki untuk berpakaian formal dan sopan.

Lelaki - Seluar panjang dan baju kemeja.

Perempuan – Baju kurung / Blouse dan seluar atau skirt panjang.

4. Apakah proses-proses yang perlu dilalui semasa Sesi Penyerahan Dokumen?

Para pelajar dikehendaki menyerahkan dokumen selengkapnya dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan pada sesi tersebut bagi tujuan semakan oleh pihak Yayasan Peneraju.

5. Apakah format dokumen yang diperlukan untuk dimuatnaik ke dalam sistem permohonan?

Pemohon hanya dibenarkan muatnaik dokumen dalam bentuk "PDF" sahaja dan memastikan setiap dokumen tidak melebihi 1MB. Untuk mengecilkan dan menjadikan dokumen kepada format PDF, boleh rujuk "Compress PDF". Sekiranya pemohon mempunyai lebih daripada 1 dokumen yang ingin dimuatnaik, pemohon perlu menggabungkannya di dalam satu dokumen PDF dan untuk menggabungkan dokumen PDF boleh rujuk "Merge PDF".

6. Adakah saya perlu mengesahkan dokumen dan siapakah yang boleh mengesahkan ?

Ya, pemohon perlu mengesahkan kesemua salinan dokumen dan pengesahan hanya boleh dilakukan oleh : Pengurusan dan Profesional (Kumpulan A), Pengamal Undang-Undang, Jaksa Pendamai, Pengetua / Guru Besar (Sekolah Kerajaan), Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas,

Pegawai Tentera berpangkat kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Imam Masjid, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum atau Mukim yang bertauliah.

7. Apakah dokumen yang perlu dimuatnaik dan dibawa semasa Sesi Penyerahan Dokumen?

Dokumen yang perlu dibawa semasa sesi penilaian dan penyerahan terdiri daripada:

Bil	Jenis Dokumen	Catatan
1	Dokumen pemohon	
	Kad pengenalan	Semua kategori permohonan
	Sijil lahir	
	Salinan maklumat akaun bank aktif (Kecuali Tabung Haji dan ASB)	
2	Dokumen ibu bapa / penjaga	
	Kad pengenalan	Semua kategori permohonan
	Sijil lahir	
	Slip gaji/ pencen/ borang pengesahan pendapatan	
3	Dokumen adik-beradik	
	Kad pengenalan/ Sijil lahir	Semua kategori permohonan
	Slip gaji/pencen/borang pengesahan pendapatan bagi mereka yang telah bekerja sekiranya tinggal bersama	
	Surat tawaran bantuan kewangan/agensi kerajaan (jika berkenaan)	
4	Akademik	
	Salinan sijil / transkrip sebenar SPM/STPM/MATRIK/ASASI/STAM/DIPLOMA	Semua kategori permohonan
	Salinan transkrip terkini / keputusan semester terkini	Pelajar tahun akhir / lepasan Asasi / Matrikulasi/Diploma
	Salinan Sijil MUET	Semua kategori permohonan
	Surat tawaran belajar (Jika berkenaan)	Semua kategori permohonan
5	Lain-lain	
	Salinan sijil kematian/cerai	Jika berkenaan
	Salinan kad OKU	
	Salinan surat pengesahan doktor bagi penyakit kronik	

8. Saya tidak dapat menyediakan dokumen yang diminta oleh pihak Yayasan Peneraju, apa yang perlu saya lakukan?

Sila sediakan surat / nota makluman kepada pegawai Yayasan Peneraju mengenai sebab-sebab tidak dapat menghantar dokumen yang telah diminta.

9. Ibu / Bapa / Ibu dan Bapa saya tidak mempunyai sijil kelahiran kerana telah hilang / rosak. Apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya Ibu / Bapa pelajar tidak mempunyai sijil kelahiran kerana telah hilang / rosak, Ibu / Bapa pelajar boleh mendapatkan salinan baru atau membuat cabutan di Jabatan Pendaftaran Negara yang terdekat.

C. KEPUTUSAN

1. Bilakah keputusan calon yang berjaya mendapat Bantuan Awal Pengajian akan diumumkan?

Keputusan akan dimaklumkan secara berperingkat bermula bulan September.

2. Bagaimanakah calon yang berjaya mendapat Bantuan Awal Pengajian akan dimaklumkan?

Pelajar yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel dan SMS. Pelajar diingatkan agar sentiasa memeriksa emel.

3. Bolehkah saya membuat rayuan?

Tidak. Keputusan pihak Yayasan Peneraju adalah muktamad.

4. Jika saya terlepas panggilan daripada Yayasan Peneraju, apa tindakan sewajarnya untuk saya lakukan?

Pelajar boleh emelkan kepada ptp.dermasiswa@yayasanpeneraju.com.my untuk sebarang pertanyaan. Pihak kami akan menghubungi semula jika terdapat sebarang perkara penting yang perlu diuruskan segera.

5. Bagaimanakah jika saya mahu mengemaskini nombor telefon jika permohonan atas talian telah ditutup?

Pelajar boleh emelkan ke Yayasan Peneraju dan sertakan nombor telefon yang terkini untuk dikemaskini di dalam sistem.